

20 NOV 1998

SEBANYAK 1,001 PUSAT BACAAN DIWUJUDKAN DI LUAR BANDAR

IPOH, 20 Nov (Bernama) -- Sebanyak 1,001 pusat bacaan akan diwujudkan di kawasan luar bandar menjelang akhir tahun ini, kata Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk K.Kumaran hari ini.

Sehubungan itu kementerian tersebut meminta semua wakil rakyat di kawasan luar bandar mengenal pasti premis yang sesuai dijadikan pusat bacaan seperti balai raya, kedai kopi dan pusat rukun tetangga.

Sehingga ini sejumlah 1.6 juta buku berjaya dikumpul di seluruh negara selepas kempen itu dilancarkan Ogos lepas oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan dan penerimaan buku peringkat negeri di sini.

Sejumlah 110,000 buku berjaya dikumpul di Perak, jumlah yang melebihi sasaran sebanyak 100,000 buah, katanya.

Kumaran berkata, buku-buku tersebut akan disalurkan kepada perpustakaan awam, perpustakaan desa dan perpustakaan daerah di seluruh kawasan luar bandar termasuk penempatan Orang Asli dan estet.

Kempen tersebut dianjurkan bersama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Petronas, Astro, Pos Malaysia dan Radio Dan Television Malaysia (RTM).

-- BERNAMA

PBA NMO